

**Parlimen: Undang-undang Kecil PBT Mengenai Iklan Haram Sedang Dikaji
Bernama
13 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji untuk meminda beberapa undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan hukuman lebih berat dikenakan terhadap pihak yang menampal iklan haram di negara ini.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Seri Lajim Ukin berkata kementerian akan mengadakan perbincangan dengan polis, PBT dan agensi berkaitan dalam masa terdekat untuk meminda undang-undang itu.

"Kementerian sedang menjalankan semakan menyeluruh ke atas peruntukan Seksyen 104 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) termasuk berkaitan kadar denda lebih tinggi bagi kesalahan melanggar undang-undang kecil PBT.

"Kita akan mencadangkan denda yang bersesuaian kepada akta ini mengikut peredaran masa sekaligus membendung masalah iklan haram," katanya ketika menjawab soalan Datuk Halimah Mohd Sadique (BN-Tenggara) di Dewan Rakyat, Khamis.

Halimah ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang mengenakan denda lebih tinggi bagi menangani masalah pengiklan yang tidak bertanggungjawab berterusan menampal iklan haram di kawasan PBT.

Lajim berkata berdasarkan peruntukan Seksyen 104 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), denda bagi kesalahan melanggar undang-undang kecil PBT tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata bagi kesalahan yang berterusan, pihak berkenaan boleh didenda tidak lebih RM200 bagi setiap satu hari tempoh kesalahan itu diteruskan.

Beliau juga berkata Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah membatalkan 741,000 nombor telefon yang dipamerkan dalam iklan haram sehingga tahun lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619641>